



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

KPDNHEP rampas 50,000kg minyak masak bersubsidi

KUANTAN - Sebanyak 50,000 kilogram minyak masak bersubsidi bernilai lebih RM120,000 berjaya dirampas dalam serbuan di sebuah premis haram di Taman Pandan 2 di sini petang kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang, Mohd Suffian Mohd Abass berkata, rampasan dilakukan adalah hasil risikan pihaknya yang mengesan sebuah lori membawa muatan minyak masak yang singgah di sebuah premis di Gambang bagi tujuan menurunkan minyak masak dari kilang dipercayai untuk proses pembungkusan.

"Lori tersebut hanya singgah di premis berkenaan tanpa menurunkan muatan, sebaliknya lori terbabit telah dibawa ke lokasi rampasan sebelum muatannya diturunkan.

"Pemeriksaan anggota penguat kuasa KPDNHEP



Mohd Suffian bersama pegawainya memeriksa minyak masak yang ditemui hasil serbuan ke atas sebuah premis haram kelmarin.

mendapati premis berkenaan adalah premis haram yang dijadikan sebagai tempat untuk menurunkan minyak masak bagi tujuan diseleweng.

"Kita dapati minyak masak yang diturunkan itu diasingkan ke dalam tangki yang setiap satunya mampu memuatkan 1,000kg minyak masak," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut ke atas sebuah

lori yang ditemui di lokasi berkenaan menemui 11 tangki dipenuhi minyak masak dipercayai sudah sedia untuk diedarkan secara haram ke negeri lain.

"Semua peralatan di premis itu termasuk 20 bekas kontena dan dua buah lori disita manakala tiga individu berusia 40 hingga 50-an termasuk pemandu lori ditahan bagi membantu siasatan serta direkodkan keterangan," katanya.

KPDNHEP sita 46,150kg baja tanpa lesen

BUKIT KAYU HITAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah menyerbu sebuah stor yang menyimpan 46,150 kilogram (kg) baja tanpa lesen bernilai RM52,228 di Batu 7 Jalan Tokai, Alor Setar kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Kedah, Omar Ismail berkata, serbuan yang dijalankan kira-kira jam 1 petang itu adalah hasil maklumat awam dan intipan selama dua bulan.

Menurutnya, ketika serbuan terdapat lima pekerja rakyat tempatan berada di stor berkenaan.

"Hasil pemeriksaan kita berjaya menemui 600 guni baja jenama Lambang Asli, 200 guni baja jenama UREA 46%N dan 246 guni baja jenama Agro Bridge

yang disimpan dalam stor simpanan berkenaan," katanya pada sidang akhbar di Stor Eksibit KPDNHEP Bukit Kayu Hitam di sini semalam.

Omar berkata, siasatan awal mendapati baja berkenaan dijual kepada petani dengan harga jualan antara RM42 hingga RM68 satu guni.

"Stor berkenaan juga dijadikan lokasi transit sebelum baja-baja berkenaan dijual kepada pihak lain.

"Ini berdasarkan pemantauan oleh pegawai kita yang mendapati terdapat lori yang membawa keluar baja-baja berkenaan ke negeri lain," katanya.

Omar berkata, susulan itu, KPDNHEP telah menahan kelima-lima pekerja berkenaan untuk membantu siasatan dan masih mengesan pemilik stor berkenaan.



Omar melihat baja tanpa lesen yang dirampas dalam serbuan dilakukan kelmarin.